

JUMAAT 31 OKTOBER, 2003

TERIMA KASIH DR. MAHATHIR

UM 31/10/2003 - 6 PRECISE

HARI ini Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memulakan persaraannya setelah menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun.

Jasa dan bakti beliau kepada negara amat besar untuk dikira dan kita percaya seluruh rakyat negara ini pasti mengakui telah menerima sumbangan daripadanya dalam pelbagai bentuk melalui dasar-dasar dan rancangan yang dibuatnya selama ini untuk Malaysia.

Ucapan terima kasih yang boleh kita, selaku rakyat Malaysia berikan kepadanya tidak dapat ditunjukkan melalui segala ucapan, baik melalui kata-kata, tulisan, atau kain-kain rentang, poster dan acara-acara yang diadakan sejak kebelakangan ini.

Ini kerana jasanya amat besar dan tidak dapat

dihargai dengan aktiviti-aktiviti itu.

Apa yang boleh kita lakukan sebagai tanda ucapan terima kasih adalah dengan menghayati dan menjayakan segala rancangan, impian, lebih-lebih lagi perubahan mental dan budaya yang sering diingati sepanjang 22 tahun ini.

Justeru, kita juga turut mengajak rakyat Malaysia supaya melakukan perubahan dalam cara hidup dan cara fikir selaras dengan perjuangan Dr. Mahathir sebagai tanda penghargaan kepada beliau selaku negarawan yang telah memberi landasan jelas bagi kemajuan negara.

Sememangnya kehibaannya terhadap persaraan Dr. Mahathir begitu dirasai oleh segenap masyarakat berbilang kaum di negara ini. Ini kerana beliau telah berjaya mencetuskan semangat arah tuju dan keyakinan diri ke dalam jiwa kita.

Ini amat berbeza dengan sesetengah negara lain, apabila pemimpinnya bersilih ganti, rakyatnya tidak merasai apa-apa. Tetapi Dr. Mahathir telah memimpin kita untuk mencapai arah tuju menjadi negara maju melalui gagasannya dalam Wawasan 2020. Dari segi psikologi, selepas ini kita tidak patut hilang arah kerana apa yang harus dilaksanakan sudah jelas.

Kita sudah diberi panduan arah dalam bidang pendidikan, sains, teknologi, industri, sukan dan pelbagai bidang lain.

Apa yang Dr. Mahathir cadangkan bukanlah retorik semata-mata, sebaliknya ia menjelma menjadi

kenyataan yang kita sendiri pada mulanya mengangap ia sukar dicapai. Malah tidak kurang daripada masyarakat kita yang mengkritik idea Dr. Mahathir.

Tetapi kini, cetusan idea unik itulah yang menimbulkan perasaan bangga kita menjadi rakyat Malaysia. Di sebalik pembinaan menara berkembar Petronas yang menjadi bangunan tertinggi di dunia, ia secara simbolik mengajak kita memandang tinggi ke puncak dan menghilangkan perasaan kerdil di kalangan masyarakat kita.

Ini bukan sekadar kata-kata lagi kerana Dr. Mahathir berjaya memimpin kita membuktikan 'Malaysia Boleh'. Kini kita boleh memahami kenapa beliau menyokong sesuatu projek yang sebelum ini dianggap mustahil untuk rakyat Malaysia melakukannya. Kita sedar sekarang, kenapa beliau memberi ruang dan menyokong penuh usaha Datuk Azhar Mansor, Datuk Malik Mydin dan ekspedisi Gunung Everest. Kerja-kerja yang kita katakan pelik itu sebaliknya kini kita turut menumpang rasa bangga atas kejayaan anak Malaysia.

Dr. Mahathir telah membina keyakinan diri dalam jiwa rakyat Malaysia. Sedikit demi sedikit usaha beliau berjaya mengikis rasa rendah diri.

Melalui kepimpinan dan bimbingan beliau, masyarakat kita digerakkan untuk melakukan sesuatu yang pada masa dahulu kita andaikan tidak boleh. Sesungguhnya meneruskannya merupakan ucapan terima kasih sebenar kepada Dr. Mahathir.